



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**19.2.2020**

1. Lima lelaki ditahan curi 107 kambing; Berita Harian
2. Lima lelaki curi 107 kambing ditahan; Sinar Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Nasional</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="17"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>19.2.2020</b>			

## Lima lelaki ditahan curi 107 kambing

**Jempol:** Polis menahan lima lelaki selepas terbabit dalam kegiatan mencuri 107 kambing milik seorang penternak yang dilaporkan hilang pada 8 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Mohd Khairiel Mohd Arif, berkata mangsa berusia 59 tahun sebelum itu menyedari kehilangan 107 kambing apabila pergi ke kandang miliknya yang terletak di dalam ladang kelapa sawit Palong 21 pada jam 9 pagi.

Katanya, mangsa mendapati rantai pintu kandang dipotong dan dinding kandang dipecahkan sebelum mendapati semua kambing baka Damara hilang.

"Bertindak atas laporan dan maklumat awam, pada jam 7 pagi 10 Februari lalu, polis kemudian membuat serbuan dan menahan seorang lelaki berusia 29 tahun di Muar, Johor serta merampas 10 kambing.

"Polis kemudian menyerbu kandang di dalam ladang kelapa sawit di Durian Tunggal, Melaka pada jam 4 petang hari sama dan menahan empat lelaki berusia 20 hingga 26 tahun serta merampas 97 kambing," katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jempol di sini, semalam.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input checked="" type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Negeri</b>	<b>Muka Surat</b>	<input type="text" value="32"/>	<b>RUANGAN :</b>
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>19.2.2020</b>			

# Lima lelaki curi 107 kambing ditahan

Jumlah kambing dicuri melibatkan kerugian RM85,600

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JEMPOL

Polis menahan lima lelaki di dua lokasi berasingan dipercayai terlibat kegiatan curi sejumlah 107 ekor kambing di Ladang Palong 21 di sini membabitkan kerugian kira-kira RM85,600.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintenden Mohd Khairiel Mohd Arif berkata, kesemua suspek berusia antara 20 hingga 26 tahun itu ditahan pada 10 Februari lalu di sekitar Johor dan Melaka.

Menurut Mohd Khairiel, kambing tersebut didapati hilang pada 8 Februari selepas pemilikinya menyedari kandang haiwan peliharaannya diceroboh dan baka



D KHAIRIEL



Kambing yang ditemui di sebuah ladang di Melaka.

Damaranya lesap.

“Susulan itu, pada 10 Februari polis menahan seorang lelaki di Muar, Johor dan merampas 10 ekor kambing manakala empat lagi lelaki ditahan berdekatan kandang kambing di ladang kelapa sawit di Durian Tunggal, Melaka antara jam 7 pagi hingga 4 petang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol di sini semalam.

Mohd Khairiel berkata, polis turut merampas sejumlah 97 ekor kambing di ladang berkenaan dan kesemua suspek ditahan reman sehingga hari ini bagi membantu siasatan kes di bawah Seksyen

379 Kanun Keseksaan.

“Polis turut merampas dua buah lori, sebuah pacuan empat roda, sebuah motosikal, tukul besi, pemotong besi dan kuku kambing,” katanya.

Katanya, kumpulan penjenayah itu bergerak aktif menggunakan lori untuk melakukan tinjauan sebagai modus operandinya.

“Suspek kemudiannya mengambil masa satu hingga dua jam untuk membawa kambing tersebut sebelum ditempatkan di lokasi terpencil dalam ladang kelapa sawit.

“Mereka akan menghubungi orang tengah dan menjual kambing tersebut secara pukal pada harga murah,” katanya.